



Teks Ucapan

YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob
Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya
Malaysia

Sempena Majlis Persaraan KKR
Tahun 2017

9 November 2017
(Khamis)

Bilik Tanjung, Tingkat 6, Blok A
Kompleks Kerja Raya

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis,

YBhg. Datuk Haji Sarani bin Haji Dollah
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

YBhg. Dato' Abdul Razak bin Jaafar
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)

Setiausaha-setiausaha Bahagian KKR

Para Pesara yang diraikan

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera, Salam Kerja Raya

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di atas inayahNya dapat kita bersama-sama berkumpul pada majlis yang penuh makna bagi meraikan 29 orang pesara dan bakal pesara Kementerian Kerja Raya pada tahun 2017. Terima kasih juga di atas kesudian tuan-tuan dan puan-puan meluangkan masa dan datang dari jauh untuk bersama kami di dalam majlis penghargaan pada hari ini. Saya dimaklumkan seramai 18 orang bersara wajib dan 11 orang bersara pilihan.

2. Bagi pihak Kementerian Kerja Raya, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih di atas khidmat bakti tuan-tuan dan puan-puan selama berkhidmat sebagai penjawat awam dan di Kementerian ini khasnya. Sesungguhnya segala usaha, kudrat

dan pengorbanan yang telah disumbangkan secara langsung mahupun tidak langsung telah membantu dan mencorakkan Kementerian Kerja Raya di kedudukan pada masa ini. Banyak cabaran dan kejayaan telah kita harungi bersama dan ianya akan kekal dalam lipatan sejarah KKR selamanya.

Hadirin yang saya hormati,

3. Dalam semakan saya, saya dapati tempoh perkhidmatan tuan-tuan dan puan-puan ada yang menjangkau 43 tahun di dalam perkhidmatan awam. Saya percaya tuan-tuan dan puan-puan masih ingat sewaktu menerima perlantikan untuk berkhidmat sebagai seorang penjawat awam dahulu, detik dan masa itu adalah saat-saat yang paling bersejarah. Sepanjang perkhidmatan pula, kita akan dilatih dan didedahkan dengan pelbagai latihan kemahiran, keterampilan diri, tata susila, kesopanan dan nilai-nilai murni diterapkan dalam diri kita. Justeru itu, penjawat awam adalah antara kelompok insan yang bertuah kerana kita terlatih dari segi mental, spiritual, fizikal dan kepimpinan. Dunia perkhidmatan awam telah mengajar kita segala-galanya tentang kehidupan, pengorbanan dan kejayaan. Kita menjadi kumpulan orang yang 'istimewa' dalam sistem sosial mesyarakat kita.

4. Latihan, pengalaman, pergaulan, hubungan dengan rakan-rakan dan rangkaian jabatan tempat kita bekerja menjadi aset dan pembelajaran yang sangat berharga kepada kita untuk memberi perkhidmatan terbaik sebagai seorang penjawat awam. Tanpa kita sedari, segala ilmu, kemahiran dan pengalaman ini menjadi aset penting dan bernilai apabila kita menempuhi dunia persaraan.

Hadirin yang saya kasihi,

5. Dalam kehidupan, kita sering mendengar ungkapan, “Yang penting bukan berapa lama kita hidup, tetapi bagaimana kita hidup.” Begitu juga dalam perkhidmatan, yang penting bukan berapa lama kita berkhidmat, tetapi bagaimana kita berkhidmat dan bagaimana kita mencurahkan khidmat. Bagi pegawai yang telah dan akan meninggalkan Kementerian ini, ingin saya nyatakan bahawa persaraan seseorang daripada perkhidmatan awam tidak bermakna berakhir segala-galanya. Masa persaraan akan memberi kita peluang untuk meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan kita. Dengan cara ini, saya yakin masa persaraan itu akan merupakan suatu keadaan yang aktif, menyegarkan, dan mencabar seperti semasa kita masih berkhidmat.

6. Saya berkeyakinan peluang di luar perkhidmatan awam masih luas untuk diceburi. Segala kemahiran, kepakaran dan pengalaman yang diperoleh semasa berkhidmat dalam perkhidmatan awam boleh menjadi aset untuk terus aktif dan menggapai lebih banyak kejayaan selepas persaraan. Justeru, jika ada yang berminat menceburi bidang perniagaan dan korporat, atau apa jua bidang yang dirasakan boleh mendapatkan pulangan yang baik, maka peluang di luar sentiasa terbuka untuk diterokai. Malah mungkin ada di antara tuan-tuan dan puan-puan yang berminat untuk menceburi bidang-bidang kerja sosial seperti badan-badan amal atau NGO dan ini merupakan masa yang sesuai. Saya percaya masyarakat masih memerlukan sumbangan tuan-tuan dan puan-puan dan saya yakin segala pengalaman yang dimiliki sangat berguna untuk meneruskan khidmat kepada masyarakat. Mungkin ada juga yang ingin menceburi bidang penulisan, berkongsi

pengalaman sebagai penjawat awam, tips-tips atau mungkin sebagai penulis novel.

Hadirin yang saya hormati,

7. Bajet 2018 yang telah diumumkan pada 27 Oktober 2017 membuktikan penghargaan Kerajaan terhadap pesara dengan berita gembira di mana tuan-tuan dan puan-puan akan menerima Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM750 pada tahun 2018. Selain itu, mulai tahun 2018 juga Kerajaan telah bersetuju untuk memanjangkan faedah perubatan kepada ibu bapa pesara juga.

8. Kerajaan juga telah memperkenalkan inisiatif 1Malaysia Civil Service Retirement Support atau 1Pesara di bawah pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) untuk menjaga kebajikan pesara. Fokus perkhidmatan mengambilkira keperluan pesara seperti penjagaan kesihatan, kesejahteraan dan kebajikan pesara, pengurusan kewangan dan keusahawanan. Oleh itu, tuan-tuan dan puan-puan amatlah digalakkan untuk melayari portal 1Pesara tersebut bagi mendapat informasi terkini yang boleh digunakan sepanjang tempoh persaraan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Gaya hidup sihat menerusi pemakanan dan aktiviti riadah perlu diteruskan selamanya. Pesanan saya kepada semua yang hadir pada hari ini dan juga pada diri saya, kesihatan diri perlulah diberi keutamaan demi kehidupan yang lebih sejahtera dan bermakna untuk kita nikmati pula zaman persaraan.

10. Akhir kata dari saya, selamat bersara dan selamat maju jaya kepada tuan-tuan dan puan-puan. Semoga kenangan menyertai perkhidmatan awam menjadi memori indah kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Saya juga berdoa agar segala urusan tuan-tuan dan puan-puan dipermudahkan dan semoga diberkati dengan kesihatan yang berpanjangan serta bahagia di samping keluarga tersayang. Maka dengan ini, saya sudahi ucapan saya dengan dua rangkap pantun:

Kalau ada pauh di daik,
Bawa sebiji ke tanah seberang,
Kalau ada budi yang baik,
Sampai mati dikenang orang.

Pahat papan serupa dulu,
Bawah kain daun cermai;
Rehatlah tuan di fasa baru,
Ukhuwah terjalin usah terurai.

Sekian, terima kasih.